



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8 August 2015

## Najib puji sikap Pak Lah selepas beliau bersara

UM-8/8/2015

**KUALA LUMPUR 7 Ogos** - Datuk Seri Najib Tun Razak memuji jiwa besar dimiliki Tun Abdullah Ahmad Badawi kerana Perdana Menteri kelima itu melepaskan tanggungjawabnya dengan baik apabila bersara.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri turut mengucapkan tahniah kepada Abdullah kerana mengambil inisiatif memperkenalkan program transformasi syarikat milik kerajaan (GLC) 10 tahun lalu.

"Saya ucapkan tahniah kepada beliau kerana memperkenalkan program ini dan belajar melepaskan tanggungjawabnya walaupun sudah bersara," katanya semasa berucap dalam majlis Pentauliah Program Transformasi GLC di sini hari ini.

Berbeza dengan Abdullah atau lebih mesra dipanggil Pak Lah, seorang lagi bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengambil sikap keras dengan berterusan mengkritik kepemimpinan Najib.

Malah, Mahathir juga secara terbuka menggesa Najib agar melepaskan jawatannya sebagai Perdana Menteri berikutan kontroversi isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Dalam pada itu, Perdana Menteri yang mengambil alih kepemimpinan negara daripada Pak Lah pada 2009 berkata, beliau berbangga dengan kejayaan yang dicapai syarikat GLC sehingga kini.

"Kita meraikan kejayaan syarikat GLC yang melalui program transformasi merentasi tempoh 10 tahun dengan jayanya. Program dilancarkan 10 tahun lalu di dewan yang sama (di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur).

"Abdullah ketika itu Perdana Menteri. Saya masih ingat, ketika itu saya hadir," katanya.